

69

SOALAN NO: 37

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Puan Rubiah Binti Haji Wang
[Kota Samarahan]

TARIKH : 21 November 2017

SOALAN : Puan Rubiah Binti Haji Wang minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :-

- i. tahap keyakinan rakyat terhadap pertanian sebagai sektor yang menguntungkan khasnya dari kalangan generasi belia; dan
- ii. sejauh manakah kualiti dan keselamatan produk pertanian di pasaran tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda yang bertujuan untuk melahirkan dan membangunkan usahawan muda dalam sektor agromakanan di samping menggalak penyertaan golongan belia dalam sektor ini. Antara objektif program ini adalah untuk menarik minat generasi muda bagi menceburi bidang pertanian selain mengubah persepsi generasi muda terhadap sektor pertanian di mana sektor ini mampu berkembang sebagai industri yang berdaya maju. Melalui program ini, usahawan muda yang layak akan diberikan bantuan seperti berikut:

- a) Bantuan khidmat nasihat dan teknikal daripada jabatan / agensi pembimbing berkaitan projek yang hendak / sedang dijalankan;
- b) Bantuan geran sehingga maksimum RM20,000 bagi projek permulaan; dan
- c) Bantuan pinjaman melalui Agrobank dan TEKUN Nasional bagi pengembangan projek.

Sejak dilaksanakan dari tahun 2014 sehingga 15 Oktober 2017, seramai 3,816 usahawan muda telah menerima bantuan melalui program ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM93.7 juta. Jika dilihat jumlah permohonan yang diluluskan bagi tahun 2017, sehingga 15 Oktober 2017 jumlah permohonan yang telah

diluluskan adalah sebanyak 1,784 meningkat berbanding kelulusan tahun 2016 iaitu sebanyak 1,034 dan tahun 2015 sebanyak 1,153.

Kerajaan berusaha memastikan produk pertanian yang memasuki pasaran adalah berkualiti dan selamat. Walau bagaimanapun, risiko terhadap kualiti dan keselamatan produk tersebut tetap wujud kerana adalah sukar untuk mengawal proses pengeluaran sepenuhnya. Justeru, usaha dan aktiviti dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi menangani isu kualiti dan keselamatan produk pertanian di pasaran tempatan seperti berikut :

- a) Menggalakkan petani dan penternak mengamalkan amalan pertanian baik menerusi pensijilan myGAP dan myOrganic serta Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP);
- b) Menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 melalui pelaksanaan program pemantauan residu racun perosak serta menyediakan perkhidmatan analisis residu racun perosak bagi hasil pertanian yang diekport dan diimport;
- c) Menyelaraskan penetapan nilai had maksimum residu racun perosak dalam makanan dibawah Akta Makanan 1983 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Kesihatan; dan
- d) Memperkenalkan skim pensijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) dan *Good Veterinary Hygienic Practices* (GVHP) di peringkat rumah sembelih dan kilang pemprosesan produk makanan hasilan ternakan yang mengamalkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP).